

**Hukuman Jenayah Zina dalam Undang-undang Jenayah Islam: Kajian Terhadap Perkaitannya Dengan Partikel *Al***

IKBAL ZAHIN B MOHAMED<sup>1</sup>

MOHD ZAKI B ABD RAHMAN<sup>2</sup>

ASJAD B MOHAMED<sup>3</sup>

MOHD FARIHAL B OSMAN<sup>4</sup>

***ABSTRACT***

The Islamic Criminal Law categorized adultery as a hudud crime which has specific penalties based on al-Quran and al-Sunnah. However, the jurists have different opinions on some matters relating to the determination of appropriate punishment on criminals who have different background. For example, does the married Muslim should be sentenced to the same lashes as the unmarried Muslim? Factors that contribute to those distinctions were circuitously intertwined by the existence of *Al*-particle, the particle which acts as a central issue in semantic aspect and become a major topic of discussion among the scholars of Arabic language. This particle is one of the most important discourse markers among scholars and jurists in determining the law including determination of a criminal punishment for adultery. This article will discuss about the categories of *Al*-particle, adultery definition, the relevance and influence of *Al*-particle in determining adultery punishment in Islamic Criminal Law, syaz views (isolated) against *Al*-particles in adultery sentence, the punishment of married Muslim (محصن) and unmarried Muslim (غير محصن).

Keywords: Punishment, Adultery Crime and *Al*-Particle

**Pengenalan**

Setiap kata nama bahasa Arab sinonim dengan partikel *al* yang digunakan di awal perkataan. Kepentingan partikel *al* dari aspek semantik tidak dapat dinafikan dalam mana-mana wacana yang dianalisis, khususnya berkaitan dengan penentuan hukuman dalam perundangan Islam. Penetapan hukuman dalam konteks undang-undang jenayah Islam pula mesti disandarkan kepada dalil-dalil *qat'ie* yang difahami secara jelas dan tepat meliputi pelbagai aspek termasuklah dalam hal pemahaman partikel *al*.

---

<sup>1</sup> Ikbal Zahin B Mohamed, Pelajar PhD, Universiti Malaya, walidabqari@yahoo.com.my

<sup>2</sup> Mohd Zaki B Abd Rahman, Pensyarah, Universiti Malaya, mzakirah@um.edu.my

<sup>3</sup> Asjad B Mohamed, Pensyarah, Universiti Teknologi MARA Pahang, asjad@pahang.uitm.edu.my

<sup>4</sup> Mohd Farihal B Osman, Pensyarah, Universiti Utara Malaysia, farihal@uum.edu.my

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang perkaitan partikel *al* dan pengaruhnya dalam penetapan hukuman jenayah zina. Terdapat pandangan segelintir cendekiawan yang jauh menyimpang daripada ketetapan asal hukuman terhadap jenayah zina dalam sistem perundangan Islam. Perkara ini berlaku antaranya ialah akibat daripada pemahaman salah mengenai partikel *al*. Justeru, kajian mengenai isu ini adalah penting dan relevan dengan perkembangan semasa. Tambahan pula, setakat kajian penyelidikan masih belum terdapat suatu kajian khusus yang dilakukan oleh mana-mana pihak berkenaan perkaitan partikel *al* dengan penentuan hukuman jenayah zina dalam Undang-undang Jenayah Islam.

## Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan dalam bentuk kualitatif dan bersifat kajian kepustakaan. Hasil daripada kajian ini diharapkan agar dapat menjelaskan pengertian, jenis dan fungsi partikel *al* dalam konteks penentuan hukuman ke atas penjenayah zina. Di samping, dapat menjawab beberapa penyelewengan pemahaman yang berlaku di kalangan pemikir kontemporari terhadap penentuan hukuman jenayah zina.

## Kategori Partikel *Al*

Dalam nahu bahasa Arab terdapat dua kategori partikel *al* berdasarkan penggunaannya, iaitu partikel *al* penentu (أل المعرفة) dan partikel *al* bukan penentu (أل غير المعرفة). Partikel *al* penentu terbahagi kepada dua; partikel *al* ketentuan (أل العهدية) dan partikel *al* generik (أل الجنبية). Manakala partikel *al* bukan penentu pula boleh dikategorikan kepada tiga, iaitu partikel *al* tambahan (أل الزائدة) dan partikel *al* relatif (أل الموصولة) dan partikel *al* ganti (أل العوضية). Penjelasannya seperti berikut:

### 1. Partikel *Al* Penentu (أل المعرفة)

Partikel *al* penentu ialah partikel yang disisipkan pada awal kata nama *nakirah* dan kemudian statusnya berubah menjadi kata nama *ma'rifah*. Contohnya perkataan كِتَابٌ (sebuah buku) ditukarkan kepada الْكِتَابُ (buku itu). Perkataan كِتَابٌ telah berubah menjadi kata nama *ma'rifah* dan mengandungi makna khusus setelah disisipkan dengan partikel *al*. Partikel *al* penentu (أل المعرفة) terbahagi kepada dua iaitu; Partikel *al* ketentuan (أل العهدية) dan Partikel *al* generik (أل الجنبية).

#### 1.1 Partikel *Al* Ketentuan (أل العهدية)

Menurut Sibawayh (1988) maksud الْعَهْدِيَّةُ ialah perkataan yang tersisip dengan partikel *al* hendaklah diketahui oleh penutur dan penerima ujaran. Contohnya partikel *al* yang tersisip pada perkataan الرَّجُلُ adalah partikel *al* ketentuan (العهد). Kata nama *nakirah* akan berubah menjadi *ma'rifah* setelah dimasuki oleh partikel *al* ketentuan dan ia menunjukkan kepada individu atau objek tertentu setelah ia berada dalam keadaan kabur dan umum (Imil Badi' Ya'qub, 2000). Menurut 'Abbas Hasan (1974), perkataan yang tersisip dengan partikel *al* ketentuan mengandungi maksud yang hampir sama dengan maksud kata nama khas personal (العَلْمُ الشَّخْصِي) menerusi zatnya sendiri. Partikel *al* ketentuan ini boleh diterjemahkan dengan makna "ini" atau "itu" dalam bahasa Melayu dan "the" dalam bahasa Inggeris.

Sarjana nahu telah mengklasifikasikan partikel *al* ketentuan (أَلِ الْعَهْدِيَّةِ) kepada tiga kategori, iaitu; Ketentuan secara sebutan (العَهْدُ الذِّكْرِي), ketentuan secara minda (العهد الذهني) dan ketentuan berasaskan kehadiran (العهد الحضوري)

### 1.1.1 Ketentuan Secara Sebutan (العَهْدُ الذِّكْرِي)

Partikel *al* dikategorikan sebagai ketentuan secara sebutan apabila perkataan yang dimasuki partikel *al* telah disebut secara jelas sebelumnya dalam keadaan *tankir*. Partikel *al* ini berfungsi untuk menyatakan sesuatu itu telah sedia diketahui kerana terdapat keterangan tertentu sama ada secara tersurat (صَّرِيح) ataupun tersirat (كِنَائِيَّة) (al-Asymuniy, 1955). Contohnya إِشْتَرَيْتُ بَيْتًا ثُمَّ بَعَثْتُ بَيْتًا (Saya membeli sebuah rumah, kemudian saya telah menjual rumah itu).

Jika ditinjau dan diperhati secara teliti contoh yang dikemukakan ini, partikel *al* dan perkataan yang tersisip dengannya boleh dialih ganti dengan kata ganti nama ketiga, seperti contoh إِشْتَرَيْتُ بَيْتًا ثُمَّ بَعَثْتُهُ (Saya membeli sebuah rumah, kemudian saya telah menjualnya). Oleh itu Ibn Hisyam menjelaskan bahawa petanda umum untuk mengenalpasti partikel ini ialah apabila kata ganti nama boleh mengambil alih tempatnya bersama perkataan yang tersisip dengannya (Tammam Hasan, 1979). Namun, sekiranya kita ujar *بَيْت* yang kedua secara *tankir* seperti بَيْتًا ثُمَّ بَعَثْتُ بَيْتًا, sudah pasti ia maksudkan rumah yang lain daripada rumah yang pertama.

Dalam konteks ketentuan secara sebutan, ia terbahagi kepada dua dimensi iaitu ketentuan secara tersurat (العَهْدُ الصَّرِيح) dan ketentuan secara tersirat (العَهْدُ الْكِنَائِي)

#### (a) Ketentuan Secara Tersurat (العَهْدُ الصَّرِيح)

Partikel *al* dikategorikan sebagai ketentuan secara tersurat apabila perkataan yang berstatus *ta'rif* telah disebut secara jelas sebelumnya dalam keadaan *tankir*. Contohnya firman Allah (s.w.t):

... كَمَا أَرْسَلْنَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿٥٠﴾ فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ الرَّسُولَ فَأَخَذْنَاهُ أَخْذًا وَبِيلاً ﴿٥١﴾

Maksudnya: ...sebagaimana Kami telah mengutus kepada Firaun seorang Rasul. Maka firaun menderhaka kepada **rasul itu**, lalu kami menyeksakannya dengan azab seksa yg seberat-beratnya (al-Muzammil: 15-16).

Dalam ayat 15, perkataan رَسُولًا (Rasul) didatangkan secara *tankir*. Manakala dalam ayat berikutnya ia diulang sebut buat kali kedua secara *ta'rif*. Perkataan rasul yang kedua tersebut merujuk kepada perkataan Rasul yang telah disebut sebelumnya.

#### (b) Ketentuan Secara Tersirat (العَهْدُ الْكِنَائِي)

Partikel *al* dikategorikan sebagai ketentuan secara tersirat apabila perkataan *ma'rifah* tidak didahului pernyataan secara jelas sebelumnya. Di antara contoh perkataan yang diketahui secara *kinayah* bukan secara lafaz ialah dalam firman Allah (swt):

وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنثَىٰ ...

Maksudnya: ...dan memanglah tidak sama **anak lelaki** dengan anak perempuan ...." (Ali Imran: 36).

Perkataan الذِّكْرُ telah disebut secara *ta'rif* menerusi partikel *al* dalam ayat di atas. Hal ini kerana ia telah dinyatakan secara tersirat dalam ayat sebelumnya, iaitu:

إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي

Maksudnya: *Sesungguhnya Aku nazarkan kepadamu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepadamu semata-mata), maka terimalah nazarku*

Maksud tersirat yang terkandung dalam ayat ini ialah “Isteri Imran yang bernama Hannah binti Faqud mengharapkan seorang anak lelaki”. Tegasnya di sini, penggunaan الذِّكْرُ secara *ta'rif* merujuk kepada perkara yang telah disebut sebelum itu secara tersirat.

### 1.1.2 Ketentuan Secara Minda (العهد الذهني)

Partikel *al* kategori ini menempel pada kata nama *nakirah* dan seterusnya menjuruskan kepada penentuan maksud menurut individu tertentu. Kewujudan pra-maklumat sebelum berlakunya pertuturan menjadi asas kepada ketentuan ini. Justeru, ia turut dikenali dengan nama ‘Ketentuan berasaskan informasi’ (العهد العِلْمِي).

Partikel *al* ini juga disisipkan pada perkataan yang merujuk kepada sesuatu yang tiada di hadapan penutur atau pendengar. Namun, ia sedia ada dalam minda dan diketahui oleh mereka. Contohnya هَلْ قَرَأْتَ الْكِتَابَ؟ (Adakah awak membaca buku?). Dalam contoh tersebut, partikel *al* yang disisipkan pada kata nama الْكِتَابَ merujuk kepada buku yang sedia dimaklumi oleh penutur dan penerima mesej berkenaan sama ada diketahui dengan melihatnya atau pernah dijelaskan kepadanya (Mahmud Sulayman Yaqut, 2009).

Ketentuan secara minda (العهد الذهني) ini pula terbahagi kepada dua jenis:

(a) Ditentukan dengan sendiri secara minda. Contohnya firman Allah (swt):

إِنِّي أَنَا رَبُّكَ فَأَخْلَعْ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِالْوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوًى

Maksudnya: *Sesungguhnya Aku Tuhanmu! maka bukalah kasutmu, kerana Engkau sekarang berada di Wadi Tuwa Yang suci.* (Taha: 12)

Perkataan الْوَادِ tidak disebut sebelum daripada ayat ini. Namun ia telah sedia maklum dalam benak kepala penerima ujaran dan ia merujuk kepada lembah suci yang bernama *Tuwa*.

(b) Ditentukan dengan sendiri secara minda berdasarkan realiti elemen yang tidak tertentu (umum). Firman Allah (swt):

قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِي أَنْ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ يَأْكُلَهُ الذِّئْبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ غَافِلُونَ

Maksudnya: *Bapa mereka menjawab: "Permergian kamu membawanya bersama sangatlah mendukacitakan daku, dan Aku pula bimbang ia akan dimakan oleh serigala, ketika kamu lalai dari mengawalinya.* (Surah Yusuf: 13)

Lafaz الذِّئْبُ dalam ayat 13 dari surah Yusuf ini boleh digelarkan kepada mana-mana serigala. Ini bermakna ia mempunyai maksud yang sama dengan maksud umum (*nakirah*), tetapi partikel *al ta'rif* ini berfungsi untuk memperkenalkan hakikat yang dirumuskan secara umum oleh akal tanpa menentukan serigala tertentu (al-Maydaniy, 2007).

Partikel *al* ketentuan secara minda (العهد الذهني) ini tidak layak diganti dengan kata ganti nama. Ungkapan atau ayat akan kedengaran janggal jika sekiranya kata ganti nama ketiga mengambil alih tempat partikel *al* dan perkataan sisipannya (Tammam Hassan, 1979).

### 1.1.3 Ketentuan Berasaskan Kehadiran (العهد الحضورى)

Perkataan yang tersisip dengan partikel ini merujuk kepada sesuatu yang dimaklumi oleh penutur atau penerima ujaran dan ada bersama mereka sewaktu ujaran. Oleh itu perkataan yang dimasuki partikel *al* tidak disebut terlebih dahulu sama ada secara tersurat ataupun tersirat tetapi hadir atau wujud bersama penutur atau pendengar ketika itu. Contohnya perkataan *الورقة* diungkapkan kepada kerani yang sedang memegang sebatang pen. Justeru, ia membawa maksud *خُذْ الْوَرَقَةَ الْحَاضِرَةَ الْآنَ* (Ambillah kertas yang ada bersama sekarang!) ('Abbas Hasan, 1974).

Perkataan yang tersisip dengan partikel *al* jenis ini tidak boleh disusuli dengan kata ganti nama ketiga bagi menggantikan partikel *al* dan perkataan yang disisipnya (Tammam Hasan, 1979).

Tuntasnya, melalui perbincangan di atas, kita dapati bahawa sarjana nahu menetapkan penggunaan kata ganti nama diri ketiga sebagai petanda umum untuk mengenalpasti partikel *al* ketentuan. Namun, hakikatnya ia hanya sesuai dan layak pada partikel *al* ketentuan secara sebutan (العهد الذكرى) sahaja. Justeru, penulis berpandangan teori ini mengelirukan dan kurang jelas. Hal ini kerana terdapat hanya sesetengah perkataan yang tersisip dengan partikel *al* sahaja boleh ditukar ganti dengan kata ganti nama diri ketiga dan setengah yang lain sebaliknya. Pada pendapat penulis kebolehbekadaan kata nama penunjuk sebelum partikel *al* ketentuan (العهدية) adalah lebih tepat dijadikan sebagai petunjuk untuk membuktikan ketulenan ciri-cirinya. Justifikasi ini berasaskan hubungan yang kukuh antara partikel *al* ketentuan (العهدية) dan kata nama penunjuk (اسم الإشارة) sehingga ke tahap di mana sarjana Nahu menggelarkan perkataan yang disisipkan dengan partikel *al* sebagai kata sifat.

## 1.2 Partikel *Al* Generik (أل الجنسية)

Maksud الجنس ialah kata nama yang dimasuki partikel *al* untuk menunjukkan makna nama yang umum tanpa merujuk atau meneliti elemen yang tersenarai dibawahnya (Muhammad 'Ayd, 2009). Contohnya apabila diujarkan ayat *الدَّئِبُ مُفْتَرَسٌ* (Serigala itu buas) tidak dimaksudkan seekor binatang tertentu dalam kelompok itu. Tetapi seolah-olah kita mengatakan 'binatang jenis ini buas'. Oleh itu, partikel *al* generik ini berfungsi untuk menentukan jenis keseluruhannya ('Abbas Hasan, 1974).

Partikel *al* generik terbahagi kepada dua kategori, iaitu Partikel *al* total dan Partikel *al* hakikat.

### 1.2.1 Partikel *Al* Total (أل الاستغراقية)

Partikel *al* kategori ini boleh diklasifikasi kepada dua jenis iaitu:

(a) Partikel *al* total yang mencakupi kesemua elemen dalam sesuatu jenis. Partikel *al* kategori ini menempel pada kata nama yang berasal daripada sesuatu jenis atau kelompok,

lalu ia berperanan sebagai lambang atau rangkuman bagi kesemuanya. Contohnya ungkapan; *الْمُؤْمِنُ خَيْرٌ مِنَ الْكَافِرِ* (Orang Mukmin lebih bagus daripada orang kafir) (al-Zajjajiy,1985).

Partikel *al* ini boleh diganti oleh lafaz *كُلُّ* tanpa menyebabkan berlaku sebarang perubahan makna. Contohnya apabila kita menggantikan partikel *al* dalam ayat seperti *الْإِنْسَانُ مُفَكِّرٌ* (Manusia pemikir) dengan perkataan *كُلُّ* (setiap) iaitu; *كُلُّ إِنْسَانٍ مُفَكِّرٌ* (Setiap manusia pemikir) pasti kita dapati maknanya kekal tidak berubah.

(b) Partikel *al* total yang merangkumi keseluruhan ciri-ciri atau sifat individu atau komponen secara kiasan yang berlebih-lebihan. Ia menunjukkan pengetahuan yang menyeluruh bukan pada kesemua individu, tetapi pada salah satu sifat yang popular dalam kalangan individu tersebut secara kiasan yang berlebih-lebihan dalam bentuk pujian dan celaan. Contoh pujian *أَنْتَ الرَّجُلُ الْعَلَمَاءُ* (Awaklah lelaki yang berilmu pengetahuan). Ayat ini menjelaskan bahawa sifat yang memisahkannya dengan lelaki lain ialah menurut perspektif kesempurnaan ilmu yang terhimpun padanya.

Realitinya, perkataan yang dimasuki partikel *al* generik adalah *ma'rifah* dari segi lafaz tetapi *nakirah* dari segi makna. Justeru Ahmad 'Ufayfiy (2003) telah mengkategorinya sebagai kata nama berstatus neutral antara *nakirah* dan *ma'rifah*.

### 1.2.2 Partikel *Al* Hakikat atau Konsep (أَلِ الْحَقِيقَةِ)

Partikel *al* kategori ini digunakan untuk menjelaskan hakikat, konsep dan sifat jenis. Petanda yang membantu kita untuk mengenali partikel ini ialah ia tidak boleh diganti oleh lafaz *كُلُّ* dan tidak membawa maksud keseluruhan jenis. Namun, jenis yang dimaksudkan merupakan suatu hakikat yang terbuka dalam minda. Contoh firman Allah (swt):

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

Maksudnya: *Dan dari air kami jadikan segala sesuatu yang hidup.* (al-Anbiya':30)

Berdasarkan kepada hakikat air, ayat ini bukan bermaksud setiap titisan air secara menyeluruh berperanan dalam menyalurkan hidupan. Namun realitinya air adalah punca kehidupan ('Abbas Hasan, 1974).

### 2. Partikel *Al* Bukan Penentu (أَلِ غَيْرِ الْمَعْرِفَةِ)

Maksud bukan penentu ialah ia tidak mengubah status kata nama menjadi *ta'rif* dengan penempelannya. Ia telah sedia berstatus *ta'rif* tanpanya atau bersamanya (Muhammad 'Ayd, 2009).

Ahli nahu telah membicarakan tentang partikel *al* secara meluas dan mereka meletakkannya dalam tiga kondisi; sama ada ia dalam keadaan wajib tersisip pada kata nama dan tidak boleh terpisah daripadanya seperti perkataan *الآن*, *اللات* dan *الذَّيْنِ*. Namun, kadang-kadang ia menempel pada kata nama secara terpaksa bagi memenuhi keperluan rima puisi seperti dalam rangkap puisi *وَطَبِثُ النَّفْسِ*. Sedangkan asalnya ialah *وَطَبِثُ نَفْسًا*. Adakalanya penyebutan partikel *al* atau sebaliknya tidak membawa apa-apa kesan erti seperti penempelannya pada kata nama khas. Contohnya dalam rangkap syair Ibn Malik (2001):

كَالْفُضْلِ وَالْحَارِثِ وَالنُّعْمَانِ      فَبِرَّكَرٍ دَا وَحَدْفُهُ سَيَّانِ

Maksudnya: *Seperti al-Fadl, al-Harith dan al-Nu'man maka menyebut atau menggugurkan al adalah sama.* (Fadl Hasan 'Abbas, 1997)

Dalam konteks ini, partikel *al* bukan penentu terbahagi kepada tiga jenis iaitu partikel *al* tambahan (أل الزائدة), *al* relatif (أل الموصولة) dan *al* ganti (أل العوضية):

### 2.1 Partikel *Al* Tambahan (أل الزائدة)

Maksud tambahan ialah partikel *al* tidak berperanan sebagai agen *ta'rif* dan penghubung (relatif), serta boleh digugurkan atau sebaliknya. Contohnya العَبَّاسُ. Dalam contoh ini partikel *al* menempel pada kata nama khas yang sudah sedia asal berstatus *ta'rif* dan ia boleh digugurkan dari perkataan tersebut, lalu disebut عَبَّاسٌ. Justeru, ia merupakan partikel tambahan kerana ia tidak memberi maksud ketentuan (تعريف) dan kata nama relatif (اسم موصول) (Barikan, 1996).

Partikel *al* tambahan pula terbahagi kepada dua kategori iaitu partikel *al* tambahan kekal dan partikel *al* tambahan sementara:

#### 2.1.1 Partikel *Al* Tambahan Kekal (أل الزائدة اللازمة)

Partikel *al* ini tersisip pada kata nama *ma'rifah* secara kekal dan tidak terpisah daripadanya setelah ia menempel padanya. Partikel *al* kategori ini tidak mendatangkan kesan dari segi makna. Terdapat beberapa kata nama khas yang digunakan hanya dalam keadaan tersisip dengan partikel *al* tambahan kekal. Contohnya lafaz اللهُ yang sentiasa disebut dengan sisipan partikel *al*. Antara perkataan popular yang sentiasa disebut dengan sisipan partikel *al* ialah السَّمُؤِيلُ iaitu nama seorang penyair Yahudi, اليَسَعُ nama seorang nabi, اللَّاتِ dan العُرَى nama dua berhala yang pernah disembah pada zaman Jahiliyah.

Partikel *al* yang tersisip pada kata nama khas secara dominan (العلم بالعلية) juga dikategori sebagai partikel *al* tambahan. Hal ini kerana ia memperoleh status ketentuan daripada ciri-ciri khusus (العلمية) yang dimilikinya, bukan daripada partikel *al*. Contohnya الْمَصْحَفُ yang merujuk kepada al-Quran al-Karim.

Penambahan partikel *al* tambahan kekal juga berlaku pada kata nama relatif الذي (yang) dan gugusannya. Partikel *al* pada الذي sentiasa tersisip padanya dan tidak digugurkan. Hal ini membuktikan bahawa partikel *al* pada الذي adalah partikel tambahan (Barikan, 1996).

#### 2.1.2 Partikel *Al* Tambahan Sementara (أل الزائدة غير اللازمة)

Partikel *al* yang dimaksudkan sengaja wujud pada satu-satu masa dan digugurkan pada masa yang lain. Ia juga bukan berperanan sebagai agen *ta'rif* dan relatif. Kategori ini terbahagi kepada dua, iaitu Secara Terpaksa dan Secara Pilihan.

##### (a) Secara Terpaksa

Partikel *al* jenis ini dimasukkan secara terpaksa pada perkataan untuk memenuhi keperluan rima puisi (الضرورة الشعرية). Contohnya ungkapan al-Rajiz dalam puisi:

بَاعَدَ أُمَّ الْعَمْرُو عَنْ أَبِيهَا # حُرَّاسُ أَبْوَابٍ لَدَى قُصُورِهَا

Maksudnya: *Pengawal-pengawal pintu istana menjauhkan Ummu Amr dari orang tawanannya*

Perkataan العَمْرُو dalam puisi di atas telah ditambah dengan partikel *al* untuk memenuhi keperluan rima puisi, sedangkan pada kebiasaannya ia disebut أُمَّ عَمْرُو tanpa partikel *al*.

#### (b) Secara Pilihan

Partikel *al* dalam kategori ini tidak menjurus perubahan kepada status *ta'rif*. Namun ia menunjukkan kepada bayangan sifat asal (لمح الأصل) yang wujud pada kata nama khas yang berkaitan dengannya. Contoh ضَحَّاك (orang yang kuat ketawa) adalah pola kepalangan daripada ضَحِك (ketawa). Ia dinukilkan menjadi kata nama khas, lalu dinamai dengan ضَحَّاك tanpa partikel *al* dan tidak merujuk kepada makna asalnya. Namun, sekiranya kata nama khas tersebut disisipkan dengan partikel *al* iaitu الضَحَّاك maka ketika itu ia mengisyaratkan kepada bayangan sifat asal yang bererti 'orang yang kuat ketawa' (Muhammad 'Ayd, 2009).

Dalam terjemahan Melayu ia sering diungkap dengan gelaran 'si', seperti si cerdik, si gemuk, si bongkok dan sebagainya (Ahmad Rushdi, 2010).

## 2.2 Partikel *Al* Relatif (أل الموصولة)

Partikel *al* relatif ialah partikel yang menempel pada kata nama *sarih*, iaitu kata nama pelaku (اسم الفاعل) atau kata nama objek (اسم المفعول) dengan syarat ia tidak bermaksud ketentuan atau generik. Contohnya المنصور (kata nama objek) atau المنتصر (Kata nama pelaku). Ia di gelar sifat *sarih* kerana ia amat menyerupai kata kerja dari aspek peralihan maknanya (التجدد) dan peristiwa (الحدوث) ('Abbas Hasan, 1974). Partikel *al* relatif ini berperanan untuk mengetengahkan makna yang serupa dengan ayat pelengkap relatif (جملة صلة) selepasnya sama seperti yang berlaku pada kata nama relatif الذي (Imil Badi' Ya'qub, 2000). Menurut Mahmud Ahmad Nahlat (1999) partikel *al* yang menempel pada *sifat* memainkan peranan kata yang disifatkan (موصوف) yang digugurkan. Contoh قَعَدَ الْقَائِمُ (orang yang berdiri itu duduk) asalnya ialah قَعَدَ الرَّجُلُ الْقَائِمُ (lelaki yang berdiri itu duduk). Lalu kata yang disifatkan (موصوف) tersebut digugurkan dan sifat menggantikan tempatnya dan mengambil hukumnya.

Adapun partikel *al* yang menempel pada kata nama sifat (الصفة المشبهة), kata nama *tafdil* (اسم التفضيل) atau pola kepalangan (صيغة مبالغة) adalah bukan kata nama relatif, bahkan ia merupakan partikel *ta'rif*. Hal ini kerana sifat ini menunjuk pada keadaan yang tetap dan ia tidak menyerupai kata kerja dari aspek makna yang sentiasa berubah. Justeru, ia tidak boleh berperanan sebagai pelengkap relatif sebagaimana kata kerja. Pelengkap bagi partikel *al* relatif ialah sifat yang wujud selepasnya.

## 2.3 Partikel *Al* Ganti (أل العوضية)

Partikel *al* jenis ini berperanan sebagai pengganti dalam beberapa situasi, iaitu:

i. Partikel *al* berperanan menggantikan ganti nama. Contohnya dalam firman Allah (swt):

يُحِبُّ دَعْوَتَكَ وَتَتَّبِعُ الرُّسُلَ

Maksudnya: *Kami akan mematuhi seruan Mu dan akan mengikuti rasul-rasul (Mu).* (Ibrahim:44)



Partikel *al* yang tersisip pada perkataan الرسل (rasul-rasul) berfungsi sebagai pengganti kepada ganti nama *kaf*, iaitu رُسُلَكَ (rasul-rasulMu).

ii. Beberapa orang ahli nahu berpendapat partikel *al* menggantikan huruf hamzah dalam lafaz الله. Asal lafaz الله ialah إله kemudian digugurkan huruf *hamzah* dan partikel *al* menggantikannya lalu terus kekal padanya seolah-olah ia merupakan salah satu daripada komponen huruf perkataan tersebut.

iii. Partikel *al* berperanan menggantikan *ya*' nasab. Contohnya اليهود (orang Yahudi) dan المجوس (orang Majusi). Kedua-dua perkataan ini memperolehi status *ta'rif* dari sifat khususnya (علمية) bukan daripada partikel *al*. Justeru, asalnya ialah يَهُودِيُونَ dan مَجُوسِيُونَ

iv. Partikel *al* berperanan menggantikan *mudaf ilayh*. Contoh perkataan أَوْانٌ hanya digunakan sebagai *mudaf* iaitu أَوْانٌ صِدْقٍ. Justeru apabila *mudaf ilayh*nya digugurkan maka ia digantikan dengan partikel *al* dan disebut الأوانٌ (Ibn al-Sarraj, 1988).

## Definisi Zina

*Al-zina* (الزنا) berasal daripada perkataan bahasa Arab. Ia merupakan kata *mufrad* bagi *al-zunah* (الزناة). Kalimah ini mempunyai beberapa makna antaranya ia bermakna 'sempit'. (Ibn Manzur, 1968). Sementara dari sudut istilah syarak, para fuqaha dalam empat mazhab muktabar mengemukakan pelbagai pengertian yang hampir sama. Perbezaan pandangan yang timbul di kalangan mereka dalam definisi istilah zina berkaitan dengan penentuan ciri-ciri dan syarat yang perlu wujud pada pelaku atau bentuk perbuatan zina. Bagi penyelidik, definisi zina yang paling jelas kerana bersifat ringkas padat dan menepati nas-nas syarak ialah yang dikemukakan oleh ulama mazhab Hanafi, al-Jurjani (1992) iaitu; "zina ialah persetubuhan yang berlaku pada kubul tanpa hak milik atau syubhah".

## Pengaruh Partikel Al Dalam Penentuan Hukuman Jenayah Zina

Pada umumnya, penggunaan partikel *al* dalam sesuatu kalimah memberi kesan terhadap pembinaan hukum dan penentuan hukuman termasuklah dalam isu jenayah zina. Ayat al-Quran yang menjadi asas kepada perbincangan dalam kajian ini ialah firman Allah (swt):

الرَّائِيَةُ وَالرَّائِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ

Maksudnya: *Penzina perempuan dan penzina lelaki, maka sebatlah tiap-tiap seorang dari kedua mereka seratus kali sebatan.* (Al-Nur: 2)

Partikel *al* dalam perkataan الرَّائِيَةُ dan الرَّائِي mempunyai beberapa interpretasi oleh para ulama tafsir. Para ulama sentiasa mengambil kira jenis partikel *al* yang terdapat dalam sesuatu nas bagi mengesan fungsinya selain menentukan hukum yang tepat. Pendapat popular para ulama terbahagi kepada dua dalam menentukan jenis partikel *al* yang terkandung dalam ayat tersebut seperti berikut:

1. Partikel *al* Relatif (أل الموصولة). Pelengkap relatifnya (صلتها) ialah sifat yang merupakan kata pelaku (اسم الفاعل) iaitu perkataan الرَّائِيَةُ. *Al* pada kalimah ini bermakna "yang" (الذي) dan mengandungi maksud syarat iaitu "barangsiapa berzina maka sebatlah dia" (من زنى فاجلدوه) (Al-Alusiy, 2005). Pendapat ini dinyatakan oleh al-Zamakhshariy (1997), al-Razi (2000) dan al-Zuhayli (1998).
2. Partikel *al* Generik (أل الجسئية). Perkataan الرَّائِيَةُ dan الرَّائِي bermaksud menafikan dua jenis kelompok iaitu lelaki dan wanita yang suci. Partikel ini digunakan untuk memberi makna keseluruhan ataupun sebahagian, mengikut niat orang yang berkata-kata sama seperti

fungsi *Ism al-Musyarak*. Ini merupakan pandangan al-Andalusiy (2001) dan al-Qurtubiy (2003).

Meskipun partikel *al* di sini terbahagi kepada dua jenis, namun pada dasarnya kedua-dua tetap sama dari sudut mempunyai makna umum iaitu meliputi semua jenis penzina (Al-Andalusiy, 2001). Ini bermakna balasan ke atas semua penzina sama ada penzina lelaki atau perempuan, merdeka atau hamba, tua atau muda, bujang atau sudah berkahwin adalah hukuman yang sama iaitu sebat seratus kali (Al-Syanqitiy, 2006). Walaupun begitu, kemungkinan hukuman tersebut hanya dikenakan kepada sebahagian penzina iaitu penzina yang bujang bergantung kepada penentuan jenis partikel *al* dalam perkataan *الرَّانِيَّةُ* dan *الرَّانِي*. Hal ini kerana partikel *al* generik (*أَلِ الْجُنْسِيَّةِ*) juga mengandungi makna “sebahagian” seperti; “penzina bujang” adalah sebahagian daripada penzina. Oleh itu, tidak mustahil hukuman sebatan hanya dikhususkan kepada penzina bujang dan dikecualikan daripada jenis penzina yang lain seperti “penzina yang sudah berkahwin”.

### Pandangan Syaz (Terpencil) Terhadap Partikel *Al* Dalam Ayat Zina

Seorang cendekiawan kontemporari, Mustafa Mahmud mempunyai pandangan tersendiri terhadap isu penentuan jenis *al* pada kalimah tersebut. Beliau menyatakan *al* dalam perkataan *الرَّانِيَّةُ* dan *الرَّانِي* merupakan partikel *al* penentu (*أَلِ التَّعْرِيفِ*). Partikel ini dimasukkan pada kalimah dalam ayat al-Quran dengan mengandungi maksud yang tersirat. Dalam konteks ayat ini, ia bererti penzina yang berterusan berzina dan menjadikannya sebagai satu tabiat atau profesyen. Pandangan ini, secara tidak langsung mengecualikan penzina yang terlibat melakukan jenayah zina hanya sekali atau seseorang yang menyusuli penglibatannya itu dengan sesalan. Partikel *al* penentu (*أَلِ التَّعْرِيفِ*) tidak diguna pakai untuk menggambarkan penzina yang berzina hanya sekali, tetapi menggunakan perkataan *رَّانِيَّةُ* dan *رَّانِي* adalah lebih tepat untuk menggambarkan (Lasyin, 1983). Situasi seorang yang hanya berzina sekali lebih berkait dengan ayat 16 yang lebih umum dalam surah al-Nisaa. Firman Allah s.w.t: yang bermaksud:

*Dan terhadap dua orang yang melakukan perbuatan keji di antara kamu, maka berilah hukuman kepada keduanya, kemudian jika keduanya bertaubat dan memperbaiki diri, Maka biarkanlah mereka. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.*

Berdasarkan kepada pegangan Mustafa, menunjukkan seorang yang berzina sekali tidak dikenakan hukuman had zina. Had zina hanya dikenakan ke atas penzina tegar atau mereka yang kerap berzina serta mereka yang menjadikannya sebagai kerjaya.

Pandangan ini sangat asing (*syaz*) malah bercanggah dengan pendapat majoriti para ulama Sunnah dan fuqaha. Kebanyakan para fuqaha, ulama tafsir dan ulama bahasa menyatakan partikel *al* dalam perkataan *الرَّانِيَّةُ* dan *الرَّانِي* merupakan partikel *al* relatif (*أَلِ الْمُوصُولَةِ*). Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan hal ini antaranya terdapat huruf *fa* (*الفاء*) pada predikatnya (*خبرها*) iaitu (*فاحللدوا*) dalam ayat zina tersebut. Pada kebiasaannya, dalam konteks ayat seumpama ini, huruf *fa* hanya diletakkan pada jawab *syarat*. Tambahan pula, Kata nama Relatif menyerupai fungsi syarat. Pakar Nahu dan bahasa Arab bersepakat bahawa partikel *al* yang menempel pada kata nama pelaku (*اسم الفاعل*) atau kata nama objek (*اسم المفعول*) dan kata nama sifat mirip kata nama pelaku (*صفة المشبهة*) ialah kata nama relatif (*اسم الموصول*). Ini menunjukkan partikel *al* dalam lafaz *الرَّانِيَّةُ* dan *الرَّانِي* yang merupakan kata nama pelaku (*اسم الفاعل*) adalah partikel

*al* relatif (أل الموصولة) dan bukan *al* penentu (أل التعريف). Justeru, ia mengandungi maksud syarat iaitu:” Barangsiapa berzina, maka sebatlah dia”. Oleh yang demikian, lafaz tersebut berbentuk umum dan mengaitkan hukum sebatan terhadap semua penzina termasuklah penzina yang terlibat hanya sekali. Ia tidak hanya difokuskan kepada mereka yang kerap berzina (Lasyin, 1983).

Selain itu, hujah daripada Sunnah berbentuk perkataan dan perbuatan Rasulullah (saw) menunjukkan Baginda melaksanakan hukuman had ke atas penzina lelaki dan perempuan yang disabitkan berzina tanpa mengambil kira sama ada penzina tersebut baru pertama kali melakukan zina atau sebaliknya. Hal seperti ini, pernah berlaku dalam kes Ma’iz dan al-Ghamidiyyah (Lasyin, 1983).

Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas menunjukkan pandangan Mustafa Mahmud ini salah dan jauh tersasar. Secara tegasnya, ia ditolak dan tidak boleh diamalkan. Situasi ini ibarat seorang yang menyatakan: (فويل للمصلين) “*maka celakalah orang-orang yang solat itu*”, lalu didiamkan dan tidak menyempurnakan ayat. Maka mengakibatkan ayatnya tergantung dan pengertiannya tidak sempurna seterusnya membawa pemahaman yang salah (Lasyin, 1983).

### **Hukuman Had Ke Atas Penzina Sudah Berkahwin (محصن)**

Berdasarkan kepada ayat 2 dalam surah al-Nur, perkataan الرّكْبَانِيَّةُ dan الرّكْبَانِيَّ في dalam firman Allah (swt). tersebut meliputi semua penzina termasuk yang sudah berkahwin (المحصن) . Namun, berpandukan kepada dalil-dalil lain dari al-Sunnah, para fuqaha mempunyai tiga pandangan terhadap isu hukuman ke atas mereka seperti berikut:

1. Penzina sudah berkahwin dikenakan hukuman sebat seratus kali dan rejam. Pandangan ini lebih cenderung memilih *al* dalam perkataan الرّكْبَانِيَّةُ dan الرّكْبَانِيَّ sebagai partikel *al* Relatif (أل الموصولة). Pandangan ini dari mazhab al-Zahiriyyah (Ibn Hazm, tt dan Al-Sabuni, tt) dan satu riwayat dari Imam Ahmad. Menurut Ibn Qudamah ia adalah pandangan Ibn Abbas, Ubay bin Ka’ab dan Abu Dhar (Ibn Qudamah, 1994).
2. Mereka hanya dikenakan hukuman rejam tanpa sebatan. Pandangan ini pula lebih cenderung mengatakan partikel tersebut adalah *al* generik (أل الجنسِيَّة). Jumhur ulama termasuk Abu Hanifah (Al-Kasaniy, 2005), Malik (Al-Khurasiy, 1997), Shafi’i (Al-Syirazy, 1996), satu riwayat Imam Ahmad (Ibn Qudamah, 1994). Al-Nakha’i, Al-Zuhri dan Al-Awza’iy (Al-Syanqitiy, 2006) juga berpegang dengan pandangan ini. Menurut Ibn Qudamah lagi bahawa ini adalah amalan Umar dan Uthman (Ibn Qudamah, 1994). Kata Al-Imam Al-Nawawi dalam kitabnya Syarh Muslim, bahawa pandangan ini adalah pilihan majoriti ulama (Muslim, 1995).
3. Penzina tua yang sudah berkahwin dikenakan hukuman sebat seratus kali dan hukuman rejam. Manakala penzina muda yang sudah berkahwin hanya dihukum rejam. Pandangan ini dinukilkan oleh Al-Qadi ‘Iyadh daripada sebahagian Ahli Hadis. Ia merupakan pendapat Qatadah, Masruq, Ibn Munzir dan dinukilkan oleh Ibn Hazm (Al-Syanqitiy, 2006).

## Hujah Setiap Pandangan

Pandangan pertama berhujah berdasarkan kepada dalil-dalil dari Al-Quran dan Al-Sunnah. Mereka berpegang kepada makna umum yang terkandung dalam perkataan *الرَّائِبَةُ* dan *الرَّائِي* dalam ayat 2 surah al-Nur. Secara umumnya, ayat ini menunjukkan semua pezina termasuk yang sudah berkahwin mesti dikenakan hukuman sebat. Manakala hadis yang menjadi asas kepada hukuman sebat dan rejam ke atas pezina yang sudah berkahwin (*muhsan*) ialah hadis Ubadah bin Shomit r.a. sabda Nabi (saw) yang bermaksud: *Ambillah perhatian kepadaku, ambillah perhatian kepadaku, sesungguhnya Allah s.w.t telah menetapkan ke atas mereka (pezina) jalan keluar. Pezina daripada kalangan dara atau teruna dikenakan sebatan seratus kali dan buang daerah selama setahun. Dan mereka yang sudah berkahwin dikenakan seratus kali sebat dan rejam* (Muslim, 1995).

Selain itu, mereka berhujah berdasarkan kepada perbuatan ‘Ali (ra) yang pernah menyebat Syurahah Al-Hamdaniyyah pada hari Khamis dan merejamnya pada hari Jumaat, lalu beliau berkata dengan maksud: *Aku telah menyebatnya berdasarkan kepada kitab Allah dan merejamnya berdasarkan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w* (Ibn Hajar, 2003).

Hujah pandangan kedua juga bersandarkan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Mereka turut memilih ayat 2 dalam surah al-Nur sebagai sandaran. Menurut mereka makna umum yang terkandung dalam perkataan *الرَّائِبَةُ* dan *الرَّائِي* hanya memfokuskan hukuman sebat ke atas pezina yang belum berkahwin. Ia tidak termasuk pezina yang sudah berkahwin kerana makna umum ayat ini telah dikhususkan dengan ayat lain yang bacaannya telah dimansuh tetapi hukumnya dikekalkan (Al-Syanqitiy, 2006) iaitu firman Allah (swt) yang bermaksud: *Lelaki tua dan perempuan tua jika mereka berzina, maka rejamlah mereka dengan pasti, sebagai siksaan dari Allah dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Ayat ini menunjukkan pezina yang sudah tua atau yang sudah berkahwin, lelaki mahupun perempuan hendaklah direjam sahaja tanpa disebat.

Selain itu mereka berhujah dengan hadis mengenai kisah seorang Arab badwi yang datang bertemu Nabi (saw) mengadu tentang anak terunanya telah berzina dengan seorang wanita sudah berkahwin. Sabda Nabi (saw) yang bermaksud: *Dikenakan ke atas anakmu sebat seratus kali serta buang daerah setahun, dan pergilah Unays kepada perempuan ini. Jika dia mengaku maka rejamlah dia* (Ibn Hajar, 2003).

Hujah mereka juga berdasarkan kepada amalan Nabi (saw) dalam kes Ma’iz dan Al-Ghamidiyyah yang hanya direjam dan tidak dikenakan hukuman sebat (Ibn Hajar, 2003).

Manakala pandangan ketiga menggunakan hujah ayat Al-Quran lalu yang bacaannya telah dimansuh tetapi hukum tetap berkekalan. Perkataan *الشيخ* dan *الشيخة* yang bererti “orang tua lelaki dan perempuan” dalam ayat tersebut menunjukkan hukuman rejam dikenakan ke atas pezina tua yang sudah berkahwin. Hukuman sebat juga dikenakan ke atasnya berdasarkan kepada umum ayat 2 surah Al-Nur (Al-Syanqitiy, 2006).

## Pendapat *Rajih*

Setelah diteliti, penulis bersetuju dengan Al-Sabuniy (tt) bahawa pandangan paling tepat ialah pandangan jumhur ulama iaitu penzina *muhsan* hanya dikenakan rejam tanpa sebat. Jumhur menyatakan hadis Ubadah bin Somit telah dimansuh dengan hadis lain dan perbuatan Baginda (saw) yang hanya merejam dan tidak menyebat. Manakala *Athar* Ali (ra) yang menyebat kemudian merejam Syurahah Al-Hamdaniyyah adalah pendapat peribadinya dan tidak diperkuatkan oleh sokongan dari Nabi (saw) atau ijmak para sahabat.

## Hukuman Had Ke Atas Penzina Bujang (غير محصن)

Umumnya, majoriti ulama berpendapat bahawa penzina bujang (غير محصن) dikenakan hukuman seratus kali sebatan. Kebanyakan mereka tidak berselisih mengenai hal ini kerana berpendapat bahawa partikel *al* dalam perkataan *الزانية* dan *الزاني* merupakan partikel *al* relatif (أل الموصولة) yang membawa pengertian umum iaitu; setiap penzina hendaklah dikenakan hukuman sebat termasuklah penzina bujang. Begitu juga, ulama yang menentukannya sebagai partikel *al* generik (أل الجنسية) yang mengandungi makna “sebahagian” turut bersetuju dengan hukuman tersebut kerana berpegang dengan ertinya; sebahagian pencuri iaitu pencuri bujang hendaklah dikenakan hukuman sebat. Perselisihan pendapat di kalangan mereka dalam hal ini lebih tertumpu kepada isu penambahan hukuman buang daerah selama setahun ke atas penzina yang masih bujang. Namun di sini, penulis tidak membincangkannya kerana tidak melibatkan persoalan kajian iaitu mengenai partikel *al*.

## Penutup

Sebagai rumusan terdapat pelbagai jenis partikel *al* dalam nahu bahasa Arab. Semuanya berasaskan kepada 2 jenis partikel *al* yang paling utama iaitu partikel *al* penentu (أل المعرفة) dan partikel *al* bukan penentu (أل غير المعرفة). Secara umum, setiap jenis partikel *al* berserta pecahannya mempunyai pengertian, peranan dan fungsi tersendiri. Oleh sebab itu, pengertian dan penentuan sesuatu jenis partikel *al* yang terkandung dalam nas-nas al-Qur'an dan hadis perlu diberi perhatian yang serius agar dapat menghasilkan pembinaan hukum yang menepati kehendak syarak. Partikel *al* juga memberi pengaruh yang besar dalam penentuan hukuman termasuklah dalam kes-kes jenayah zina. Dalam konteks hukuman jenayah zina, tugas penentuan jenis partikel *al* kadang-kala dilihat kecil namun hakikatnya memberi impak yang besar terhadap hukuman berkenaan. Kepelbagaian pengertian partikel *al* mendorong kepada beberapa klasifikasi hukuman ke atas penzina sama ada berbentuk sebatan sahaja atau sebatan dan rejam. Justeru, kajian ini membuktikan fungsi dan peranan partikel *al* serta menentukan jenis partikel *al* yang tepat dan bersesuaian dengan nas yang berkaitan. Ia juga memperlihatkan betapa signifikannya partikel *al* terhadap penentuan hukuman termasuklah dalam kes berhubung jenayah zina.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

‘Abbas Hasan. 1974. *al-Nahw al-Wafi*. Kaherah: Dar al-Ma‘arif.

- Ahmad 'Ufayfiy. 2003. *al-Ism al-Muhayid bayn al-Ta'rif wa al-Tankir fi al-Nahw al-'Arabiy Khasaisuh wa Isti'malatuh*. Kaherah: Maktabat Zahra' al-Syarq.
- Ahmad Rushdi b. Hj. Haroon. 2010. *Penguasaan Partikel al Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Andalusiyy, Ibn Hayyan, Muhammad bin Yusuf. 2001. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Alusiy, Mahmud bin AbdAllah. 2005. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Al-Asymuniy, Abu al-Hasan Nur al-Din Ali bin Mohamad bin Isa. 1955. *Syarh al-Asymuniy 'ala Alfiyat Ibn Malik*. Sunt. Hasan Hamad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Jurjaniy, 'Aliy bin Muhammad. 1992. *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiy.
- Al-Kasaniy, Abu Bakr bin Mas'ud. 2005. *Bada'i' al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i'*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Khurasiy, Muhammad bin 'AbdulLah. 1997. *Hashiyat al-Khurasiy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Maydaniy, 'Abd al-Rahman Hasan Habannakat. 2007. *al-Balaghat al-Arabiyyat, Ususuha wa Ulumuha wa Fununuha wa Suar min Tatbiqatiha bi Haikal Jadid min Tarif wa Talid*. Damsyik: Dar al-Qalam & Beirut: Dar al-Syamiyyat.
- Al-Qurtubiy, Muhammad bin Ahmad. 2003. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Razi, Muhammad bin 'Umar. 2000. *al-Tafsir al-Kabir Aw Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Syanqitiy, Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar. 2006. *Adwa' al-Bayan fi Idahat al-Qur'an bi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Syiraziyy, Abu Ishaq. 1996. *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'iy*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zajjajiy, Abu al-Qasim. 1985. *Kitab al-Lammat fi al-Lughat*. Sunt. Mazin al-Mubarak. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zamakhshariy, Mahmud bin 'Umar. 1997. *al-Kasysyaf 'An Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.

**Hukuman Jenayah Zina dalam Undang-undang Jenayah Islam:  
Kajian Terhadap Perkaitannya Dengan Partikel Al**

e-ISSN : 2289-8042

Ikbal Zahin B Mohamed

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

- Al-Zuhayli, Wahbat bin Mustafa. 1998. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqida wa al-Syari'at wa al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Barikan Sa'd. 1996. *al fi al-'Arabiyyat Ahkamuha wa Ma'aniha wa Isti'malatuha*, Disertasi Universiti Umm al-Qura Mekah.
- Fadl Hassan 'Abbas. 1997. *al-Balaghat Fununuha wa Afnanuha*. Yarmuk: Dar al-Furqan li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. 2003. *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyat.
- Ibn Malik, Jamal al-Din Muhammad bin 'AbdulLah bin 'AbdulLah. 2001. *Syarh al-Tashil. Tashil al-Fawa'id wa Takmil al-Maqasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukram. 1968. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn al-Sarraj, Abu Bakr Muhammad bin al-Sahl. 1988. *al-Usul fi al-Nahw*. Sunt. 'Abd Husayn al-Fatli. Kaherah: Mu'assasat al-Risalat.
- Ibn Qudamah, AbdulLah bin Ahmad. 1994. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyat.
- Imil Badi' Ya'qub. 2000. *Mawsu'at fi al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Lasyin, Abd al-Fattah. 1983. *Safa' al-Kalimat*. Riyadh: Dar al-Marikh Li al-Nasyr.
- Mahmud Ahmad Nahlat. 1999. *al-Ta'rif wa al-Tankir bayn al-Dilalat wa al-Syaki*. Kaherah: Maktabat Zahra' al-Syark.
- Mahmud Sulayman Yaqut. 2009. *al-Nahw al-Ta'limiy wa al-Tatbiq fi al-Qur'an al-Karim*. Tanta: Dar al-Sahabat li al-Turath.
- Muhammad 'Ayd. 2009. *al-Nahw al-Musaffa*. Kaherah: Alam al-Kutub.
- Muslim, Muslim bin Hajjaj. 1995. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyat.
- Sibawayh, Abu Bisyr 'Amr ibn 'Uthman. 1988. *al-Kitab*. Kaherah: Maktabat al-Khanjiy.
- Tammam Hassan. 1979. *al-Lughat al-'Arabiyyat Ma'naha wa Mabnaha*. Casablanca: Dar al-Thaqafa.